

INSKEP EXPLORACE 2019

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4943-inskep-explorace-2019

TANJUNG BUNGAH, 30 Apr 19 - 'Senior Trainer Course' (STC) Siri 30/19 telah menganjurkan aktiviti INSKEP Explorace 2019 di Gelanggang Bola Tampar INSKEP. Seramai 40 orang telah menyertai aktiviti tersebut yang terdiri daripada 10 orang Staf INSKEP manakala 30 orang lagi dari Penuntut Kursus 'Junior Officer Course' (JOC) Siri 6/19 dan dibahagikan kepada 8 kumpulan. Aktiviti ini telah dirasmikan oleh Ketua Bahagian Tadbir INSKEP, Mej Abd Rahim bin Ahmad TUDM. Tujuan aktiviti ini dilaksanakan adalah untuk keberkesanan dalam merancang dan meningkatkan kemahiran dalam mengendalikan program PDP, mengukur keberkesanan modul WPA dan meningkatkan kerjasama berpasukan di dalam mengendalikan program.

Selain itu, aktiviti ini juga dapat menguji peserta explorace dalam meningkatkan daya ketahanan fizikal dan mental, memupuk semangat kerjasama berpasukan, menguji tahap kemahiran di dalam proses penyampaian maklumat, menguji kreativiti dan berfikir di luar kotak. Di akhir aktiviti Kumpulan INSKEP 1 telah dinobatkan sebagai Johan, Naib Johan JOC Bravo 2 dan tempat ketiga JOC Bravo 1. Penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Ketua Bahagian Tadbir INSKEP. Tahniah kepada pemenang dan syabas kepada penganjur kerana berjaya melaksanakan aktiviti tersebut.



